Keadaan semasa di Bandar Medan pada tahun 2003 menunjukkan berlaku banyak kesesakan lalu lintas di merata tempat. Hasil tinjauan di Bandar Medan diperoleh bahawa ada permukaan jalan yang tidak rata, pejalan kaki yang menyeberang di sebarang tempat, sebahagian pemandu kenderaan

pengangkutan awam berhenti pada sebarang tempat terutamanya di tengah jalan serta peniaga kaki lima yang menggunakan sebahagian jalan untuk tempat berniaga. Keadaan tersebut menambah kesesakan lalu lintas.

Penyelidikan ini akan melakukan kajian untuk menghasilkan sistem dan jaringan pengangkutan awam di Bandar Medan yang boleh mengurangkan kesesakan lalu lintas.

1.2 Matlamat

Matlamat kajian adalah untuk melakukan penyelidikan di bandar Medan untuk mengenalpasti petunjuk operasi jaringan jalan dan jaringan pengangkutan awam tahun 2003 dan menghasilkan rekabentuk jaringan jalan dan jaringan pengangkutan awam yang boleh mengurangkan kesesakan lalu lintas.

1.3 Objektif

Merujuk huraian latar belakang masalah dan identifikasi masalah maka objektif penyelidikan ini ialah :

- (1) Menenalpasti petunjuk operasi jaringan jalan dan jaringan pengangkutan awam Bandar Medan tahun 2003 melalui keadaan “Tidak Buat Apa-apa”.
- (2) Menenalpasti kesan kapasiti efektif terhadap aras perkhidmatan jaringan jalan di Bandar Medan.
- (3) Menghasilkan rekabentuk jaringan pengangkutan awam yang dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di Bandar Medan pada tahun 2003.

- (4) Menghasilkan rekabentuk jaringan jalan dan jaringan pengangkutan awam yang sesuai untuk keadaan pada tahun 2010.

1.4 Skop Kajian

Permasalahan dalam penyelenggaraan lalu lintas dan pengangkutan jalan sangat kompleks, maka skop kajian dalam penyelidikan ini adalah :

- (1) Melakukan kajian untuk menghasilkan jaringan jalan dan jaringan pengangkutan awam di Bandar Medan sebagai usaha untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas.
- (2) Kajian dilakukan menggunakan perisian Tranplan Versi 7.2. Oleh yang demikian data yang dikumpulkan ialah keperluan data masukan mengikut ketentuan perisian tersebut iaitu data jaringan jalan terdiri dari : HNode.Dat, HLink.Dat dan HTurn manakala data jaringan pengangkutan awam terdiri dari : TNode.Dat, TLink.Dat, TLine.Dat.
- (3) Kajian penyelidikan ini juga berusaha memperolehi kapasiti efektif yang berlaku di Bandar Medan menggunakan Nisbah V/C sebagai asas dalam evaluasi. Nisbah V/C daripada hasil simulasi perisian Tranplan dan kajian lalu lintas diuji menggunakan kaedah statistik uji_t untuk mendapatkan kepastian bahawa kedua Nisbah V/C tersebut adalah tidak signifikan berbeda. Kemudian dilakukan simulasi dengan penambahan kapasiti untuk mendapatkan Nisbah V/C yang sama dengan Nisbah V/C hasil kajian lalu lintas.
- (4) Kajian dalam menghasilkan mod jaringan jalan dan jaringan pengangkutan awam yang dicadangkan kepada Kerajaan Bandar

Medan, tidak membahaskan dari segi perancangan mahupun pengurusan lalu lintas serta tidak mempertimbangkan aspek sosial, ekonomi dan politik.

1.5 Kerangka Penulisan

Penulisan tesis ini dibentangkan dalam 9 (sembilan) bab iaitu :

Bab Satu memberi identifikasi masalah, matlamat, objektif penyelidikan dan skop kajian serta kerangka penulisan tesis.

Bab Dua adalah surat ilmiah dan memberi perspektif teori yang berhubung kait dengan analisis mengenai kesahan, pengangkutan bandar, prinsip pengembangan kawasan dan bentuk bandar, dimensi, kapasiti sarana dan prasarana pengangkutan bandar serta aspek yang berhubungkait dengan penetapan jaringan pengangkutan awam, pengangkutan bandar dan kajian lampau yang berhubungkait dengan tajuk penyelidikan dan kesimpulan.

Bab Tiga adalah metodologi kajian meliputi alasan penggunaan Perisian Tranplan dan kegiatan penyelidikan secara garis besar. Bahagian Perisian Tranplan akan menghuraikan mengenai sejarah Perisian Tranplan, fail data input yang mengatur pengolahan pada Perisian Tranplan, fail data input Perisian Tranplan, fail data output Perisian Tranplan yang terdiri dari fail data output jenis ASCII dan fail data output jenis khusus, proses pengolahan data Perisian Tranplan, mengoperasikan Perisian Tranplan yang terdiri dari menjalankan fungsi-fungsi Perisian Tranplan, mengira pengumpulan pada jaringan jalan dan tahap-tahap pengoperasian Perisian Tranplan serta kekangan (*constraints*) pada Perisian Tranplan Versi 7.2. Bahagian berikutnya

ialah mencipta Perisian AddiTP mengandungi maklumat tentang peranan dan manfaat Perisian AddiTP, kemampuan Perisian AddiTP, analisis Perisian AddiTP, rekabentuk Perisian AddiTP dan bahasa pengaturcaraan yang digunakan dalam membina Perisian AddiTP. Pada bahagian akhir dihuraikan penjelasan mengenai pelaksanaan tahap kegiatan penyelidikan, perkara-perkara tambahan yang dilakukan dalam penyelidikan ini dan kesimpulan.

Bab Empat memberi keadaan Bandar Medan termasuk pengurusan jaringan jalan dan jaringan pengangkutan awam mengenai hak dan tanggungjawab penyenggaraan jaringan jalan, hak dan tanggungjawab rekabentuk jaringan pengangkutan awam; geografi, perkembangan jaringan pengangkutan awam mengenai pertambahan kenderaan, pengangkutan awam, jaringan jalan, terminal pengangkutan awam dan keadaan terkini jaringan pengangkutan awam di Bandar Medan.

Bab Lima membincangkan hasil aplikasi Perisian Tranplan untuk Bandar Medan dan mengandungi maklumat mengenai pengenalan, persiapan yang terdiri dari pengezonan lalu lintas dan pengezonan wilayah; pengumpulan data yang terdiri dari data asalan-destinasi perjalanan, data jaringan jalan dan data jaringan pengangkutan awam. Bab ini juga memaparkan jaringan pengangkutan awam hasil simulasi untuk keadaan semasa tahun 2003 di Bandar Medan melalui senario "Tidak Buat Apa-apa", jaringan pengangkutan awam yang diimplementasikan di Bandar Medan melalui senario "Perubahan" di Bandar Medan dan validasi hasil pengolahan perisian Tranplan.

Bab Enam membincangkan mengenai kapasiti efektif dan menghuraikan ujian F untuk memastikan kesamaan atau perbezaan jumlah (*volume*) kenderaan, tingkah laku penduduk sebagai punca perbezaan hasil pengolahan

Perisian Tranplan dan hasil kajian lalu lintas, pelaksanaan simulasi untuk menentukan kapasiti efektif, selanjutnya huraian mengenai pelaksanaan simulasi senario “Tidak Buat Apa-apa Dengan Kapasiti Efektif” dan senario “Perubahan Dengan Kapasiti Efektif”. Bab ini juga mengandungi maklumat mengenai kebolegunaan (applicability) Perisian Tranplan serta kesimpulan.

Bab Tujuh membincangkan rekabentuk jaringan pengangkutan awam senario “Terbaik Dengan Kapasiti Efektif” Tahun 2003 Di Bandar Medan dan mengandungi huraian mengenai pengenalan, simulasi dalam merekabentuk jaringan pengangkutan awam Senario “ Terbaik Dengan Kapasiti Efektif” serta kesimpulan.

Bab Lapan pula membincangkan rekabentuk jaringan pengangkutan awam senario “Tahun 2010” dan mengandungi huraian tentang pendahuluan, alasan penggunaan mod graviti (PACGR), anggaran matrik asalan-destinasi tahun 2010, matrik asalan-destinasi kenderaan tahun 2010 berdasarkan wilayah, simulasi dalam menentukan jaringan pengangkutan awam tahun 2010 di Bandar Medan tanpa merubah fizikal lorong jalan dan simulasi dalam menentukan jaringan pengangkutan awam tahun 2010 di Bandar Medan yang dihasilkan dengan perubahan fizikal lorong jalan serta kesimpulan.

Bab Sembilan memberikan perbincangan, kesimpulan dan cadangan dari hasil pembahasan bab-bab terdahulu.

1.6 Kesimpulan

Berpunca dari pelbagai macam perkara bahawa di Bandar Medan berlaku kesesakan lalu lintas pada tahun 2003. Agar kesesakan lalu lintas

tersebut tidak merugikan masyarakat secara berterusan, perkhidmatan jaringan jalan dan jaringan pengangkutan awam harus ditingkatkan.

Matlamat penyelidikan ini ialah untuk mengenalpasti petunjuk operasi jaringan jalan dan jaringan pengangkutan awam tahun 2003 dan menghasilkan rekabentuk jaringan jalan dan jaringan pengangkutan awam yang boleh mengurangkan kesesakan lalu lintas di Bandar Medan.

Untuk memastikan matlamat penyelidikan ini tercapai, penyelidikan ini dilakukan dengan tahap-tahap sebagai berikut :

- Penyelidikan ini bermula dengan kajian untuk mengenalpasti petunjuk operasi jaringan jalan dan jaringan pengangkutan awam di Bandar Medan tahun 2003 melalui keadaan “Tidak Buat Apa-apa”.
- Memandangkan bahawa berlaku keadaan khas di Bandar Medan maka akan dilakukan kajian untuk mengenalpasti kesan kapasiti efektif terhadap aras perkhidmatan jaringan jalan.
- Dengan mengambilkira kesan kapasiti efektif kajian dilanjutkan untuk menghasilkan rekabentuk jaringan pengangkutan awam yang dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di Bandar Medan pada tahun 2003.
- Sebagai cadangan kepada Kerajaan Bandar Medan, juga dengan mengambilkira kesan kapasiti efektif kajian dilanjutkan untuk menghasilkan rekabentuk jaringan jalan dan jaringan pengangkutan awam yang sesuai untuk keadaan pada tahun 2010.

BAB DUA SURATAN ILMIAH

2.0 Pengenalan

Lalu lintas, kenderaan dan jalan merupakan sebahagian daripada subsistem pengangkutan darat yang memainkan peranan penting dan strategik dalam mendukung mobiliti penumpang mahupun barangan dari satu lokasi ke lokasi yang lain. Oleh sebab itu sistem lalu lintas, kenderaan dan jalan harus diselenggarakan dengan teratur dan tepat pada waktunya serta murah. Untuk mewujudkan keadaan perkhidmatan yang demikian, sistem jaringan pengangkutan awam merupakan salah satu unsur terpenting sehingga perlu direkabentuk secara baik dan efektif.

Dalam kegiatan memastikan pola laluan jaringan pengangkutan awam di bandar Medan supaya efektif dan efisien perlu dilakukan kajian dan perancangan serta pengembangan sistem jaringan pengangkutan awam yang disusun mengikut aspek yang sah (asas perundangan) dan aspek teknik (asas teori) yang ada. Kajian lampau diperlukan sebagai bahan rujukan.

2.1 Latar Belakang Perundangan

Aspek kesahan yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah peraturan-peraturan sah yang ditentukan oleh Kerajaan Indonesia yang berhubungkait dengan pengangkutan awam di bandar raya (Jabatan Perhubungan Bandar Medan, 2003) iaitu :

- Undang-undang Nombor 13 Tahun 1980

Perkhidmatan pengangkutan bandar berhubungkait dengan jaringan jalan yang digunakan untuk menentukan laluan kenderaan pengangkutan awam. Sistem jaringan jalan dimaksud diatur dalam fasal 2 dan fasal 3 Undang-undang Nombor 13 Tahun 1980 iaitu :

(1) Fasal 2

Jalan merupakan suatu kesatuan sistem jaringan jalan yang mengikat dan menghubungkan pusat-pusat pertumbuhan dan wilayah yang berada dalam pengaruh perkhidmatannya dalam satu hubungan hirarki.

(2) Fasal 3 ayat 2

Sistem jaringan jalan sekunder ialah sistem jaringan jalan dengan peranan perkhidmatan jasa distribusi untuk masyarakat di dalam bandar. Jaringan jalan sekunder berhubung kait dengan struktur wilayah pengembangan bandar yang memainkan peranannya terdiri daripada jalan arteri, jalan *kolektor* dan jalan tempatan. Jalan arteri primer dan *kolektor* primer tidak terputus walaupun memasuki bandar.

(3) Fasal 4

Berdasarkan fungsi perkhidmatan, jalan dibezakan menjadi :

- a. Jalan arteri, ialah jalan yang digunakan kenderaan sebagai laluan utama dengan ciri-ciri perkhidmatan jarak jauh, purata kelajuan tinggi dan bilangan jalan masuk dihad secara efisien;

- b. Jalan kolektor, ialah jalan yang digunakan kenderaan sebagai laluan pengumpul dari jalan yang lebih kecil dan sebagai laluan pembahagi ke jalan yang lebih kecil, dengan ciri-ciri perjalanan jarak sederhana dan bilangan jalan masuk terhad;
 - c. Jalan tempatan, ialah jalan yang digunakan sebagai laluan kenderaan tempatan dengan ciri-ciri perjalanan jarak dekat, purata kelajuan rendah dan bilangan jalan masuk tidak terhad.
- Undang-undang Nombor 14 Tahun 1992

Perkhidmatan pengangkutan penumpang dengan menggunakan kenderaan awam diatur dalam Fasal 36 dan Fasal 37 Undang-undang Nombor 14 Tahun 1992.

(1) Fasal 36 Huruf b

Pada Fasal 36 huruf b disebutkan bahawa “Perkhidmatan pengangkutan penumpang dengan kenderaan pengangkutan awam boleh menggunakan kenderaan pengangkutan bandar yang merupakan pemindahan penumpang di wilayah bandar”.

Tujuannya ialah untuk menjamin kelangsungan perkhidmatan pengangkutan, keseragaman dan keteraturan dalam pemberian perkhidmatan dengan menentukan perkhidmatan bandar yang didasarkan pada sifat dan keteraturan perjalanan, jarak dan masa tempuh, berkembangnya suatu daerah atau wilayah petempatan, perdagangan, perindustrian, pejabat dan sebagainya (Penjelasan Fasal 36 Undang-undang Nombor 14 Tahun 1992).

(2) Fasal 37 Ayat 2

Dalam Fasal 37 Ayat 2 disebutkan bahawa : “Perkhidmatan pengangkutan penumpang dengan kenderaan pengangkutan awam dalam jaringan pengangkutan tetap dan teratur dilaksanakan menggunakan jaringan pengangkutan awam”. Dengan tujuan untuk mengendalikan perkhidmatan pengangkutan penumpang dengan kenderaan pengangkutan awam agar dapat dicapai keseimbangan antara keperluan pengangkutan dengan perkhidmatan pengangkutan, antara kapasiti jaringan jalan dengan kenderaan pengangkutan awam yang beroperasi serta untuk menjamin kualiti perkhidmatan kenderaan pengangkutan penumpang (Penjelasan Fasal 36 Undang-undang Nombor 14 Tahun 1992).

- Peraturan Pemerintah Nombor 26 Tahun 1985

- (1) Fasal 4 Ayat 3

- “Jalan Kolektor Primer menghubungkan bandar tangga pertama dengan bandar tangga kedua atau menghubungkan bandar tangga kedua dengan bandar tangga ketiga”.

- (2) Fasal 8 Ayat 2

- “Jalan Kolektor Primer mempunyai kapasiti yang sama atau lebih besar daripada jumlah lalu lintas”.

- (3) Fasal 10 Ayat 1

- “Jalan Arteri Sekunder direkabentuk berdasarkan plan kelajuan minimum 30 (tiga puluh) km/jam dan dengan lebar badan jalan tidak kurang daripada 8 (delapan) meter”.

- (4) Fasal 10 Ayat 2

“Jalan Arteri Sekunder mempunyai kapasitas yang sama atau lebih besar daripada jumlah lalu lintas”.

(5) Fasal 11

“Jalan Kolektor Sekunder direkabentuk berdasarkan plan kelajuan minimum 20 (dua puluh) km/jam dan dengan lebar badan jalan tidak kurang daripada 5 (lima) meter”.

(6) Fasal 12

“Tempatan Sekunder direkabentuk berdasarkan plan kelajuan minimum 10 (sepuluh) km/jam dan dengan lebar badan jalan tidak kurang daripada 5 (lima) meter”.

- Peraturan Pemerintah Nombor 41 Tahun 1993 Jo. Keputusan Menteri Perhubungan Nombor 84 Tahun 1999.

Untuk perkhidmatan kenderaan pengangkutan penumpang dalam bandar dengan kenderaan pengangkutan awam dalam jaringan pengangkutan awam tetap dan teratur dilaksanakan dalam jaringan pengangkutan bandar, iaitu jaringan pengangkutan yang seluruhnya berada dalam satu daerah bandar atau jaringan pengangkutan dalam Daerah Khusus Ibu Kota Jakarta (Fasal 6 dan 7 Peraturan Pemerintah Nombor 41 Tahun 1993 tentang Pengangkutan Jalan Jo. Fasal 2 Keputusan Menteri Perhubungan Nombor 84 Tahun 1999 tentang Penyelenggaraan Pengangkutan Penumpang di Jalan Dengan Kenderaan Pengangkutan Awam.

Perkhidmatan pengangkutan bandar diselenggarakan dengan ciri-ciri sebagai berikut :

(1) Jaringan Pengangkutan Utama :

- a. Mempunyai jadual tetap, sebagaimana termaktub dalam jam perjalanan pada kad pengawasan kenderaan yang beroperasi.
- b. Melakukan perkhidmatan pengangkutan pada wilayah utama, antara wilayah utama dengan ciri-ciri melakukan perjalanan ulang-alik secara tetap.
- c. Menggunakan bas besar dan bas sederhana.
- d. Melakukan perkhidmatan pengangkutan secara terus menerus, berhenti di tempat-tempat untuk menaikkan dan menurunkan penumpang yang telah ditetapkan untuk pengangkutan bandar.

(2) Jaringan Pengangkutan Cabang

- a. Berfungsi sebagai jaringan pengangkutan asas terhadap jaringan pengangkutan utama.
- b. Mempunyai jadual tetap sebagaimana termaktub dalam jam perjalanan pada kad pengawasan kenderaan yang beroperasi.
- c. Melakukan perkhidmatan pengangkutan di wilayah pendukung, antara wilayah pendukung dan pemukiman.
- d. Menggunakan bas besar dan bas sederhana.
- e. Perkhidmatan pengangkutan secara terus menerus, berhenti di tempat-tempat untuk menaikkan dan menurunkan

penumpang yang telah ditetapkan untuk pengangkutan bandar.

(3) Jaringan Pengangkutan Ranting

- a. Tidak mempunyai jadual tetap.
- b. Perkhidmatan pengangkutan secara terus menerus, berhenti di tempat-tempat untuk menaikkan dan menurunkan penumpang yang telah ditetapkan untuk pengangkutan bandar.
- c. Melakukan perkhidmatan pengangkutan di wilayah pemukiman.
- d. Menggunakan bas sederhana, bas kecil dan bas mini.

(4) Jaringan Pengangkutan Langsung

- a. Mempunyai jadual tetap, sebagaimana termaktub dalam jam perjalanan pada kad pengawasan kenderaan yang beroperasi.
- b. Perkhidmatan pengangkutan secara terus menerus, berhenti di tempat-tempat untuk menaikkan dan menurunkan penumpang yang telah ditetapkan untuk pengangkutan bandar.
- c. Melakukan perkhidmatan pengangkutan antara wilayah utama dengan wilayah pendukung dan wilayah petempatan.
- d. Menggunakan bas besar, bas sederhana dan bas kecil.

- Peraturan Pemerintah Nombor 43 Tahun 1993

Plan jaringan pengangkutan perlu mempertimbangkan beberapa faktor (Fasal 14 ayat 2) iaitu :

- (1) Keperluan pengangkutan
- (2) Kelas jalan yang sama dan/atau lebih tinggi
- (3) Jenis terminal yang sama dan/atau lebih tinggi
- (4) Asas perkhidmatan jalan
- (5) Pelan am ruang bandar
- (6) Ketetapan lingkungan

- Surat Keputusan Direktor Jeneral Perhubungan Darat Nombor 274/HK.105/DRJD/96

Sesuai dengan surat keputusan yang dikeluarkan oleh Direktor Jeneral Perhubungan Darat maka hirarki laluan kenderaan pengangkutan awam sebagai ciri dari perkhidmatan pengangkutan bandar serta kriteria dalam penentuan jaringan pengangkutan secara am dapat dibezakan berdasarkan perkhidmatan, ukuran bandar dan jarak jaringan pengangkutan.

Adapun klasifikasi jaringan pengangkutan berdasarkan perkhidmatan pengangkutan dipaparkan pada Jadual 2.1.

Jadual 2.1 : Klasifikasi Jaringan Pengangkutan Berdasarkan Jenis Tahap Perkhidmatan / Pengangkutan

Klasifikasi Jaringan Pengangkutan	Jenis Tahap Perkhidmatan	Jenis Pengangkutan	Kapasiti Penumpang Per hari/Kenderaan
Utama	Cepat Lambat	Bas Besar (Lantai Ganda) Bas Besar (Lantai Tunggal) Bas Sederhana	1,500 – 1,800 1,000 – 1,200 500 - 600
Cabang	Cepat Lambat	Bas Besar Bas Sederhana Bas Kecil	1,000 – 1,200 500 – 600 300 - 400
Ranting	Lambat	Bas Sederhana Bas Kecil Bas Mini	500 – 600 300 – 400 250 - 300
Langsung (Express)	Cepat	Bas Besar Bas Sederhana Bas Kecil	1,000 – 1,200 500 – 600 300 - 400

Sumber : SK. Dirjen. Hubdat No: 274/HK.105/DRJD/96

Menurut klasifikasi jaringan pengangkutan bandar berdasarkan ukuran bandar seperti dipaparkan dalam Jadual 2.2.

Jadual 2.2 : Klasifikasi Jaringan Pengangkutan Berdasarkan Ukuran Bandar / Jenis Kenderaan Pengangkutan

Klasifikasi Jaringan Pengangkutan	Ukuran Bandar			
	Bandar Raya (>1,000,000)	Bandar Besar (500,000-1,000,000)	Bandar Sederhana (100,000-500,000)	Bandar Kecil (<100,000)
Utama	Keretapi /Bas Besar (SD/DD) /Bas Sederhana	Bas Besar	Bas Besar /Bas Sederhana	Bas Sederhana
Cabang	Bas Besar /Bas Sederhana	Bas Sederhana	Bas Sederhana / Bas Kecil	Bas Kecil
Ranting	Bas Sederhana /Bas Kecil /Bas Mini	Bas Kecil /Bas Mini	Bas Kecil /Bas Mini	Bas Kecil /Bas Mini
Langsung	Bas Besar /Bas Sederhana /Bas Kecil	Bas Besar /Bas Sederhana /Bas Kecil	Bas Sederhana /Bas Kecil	Bas Sederhana /Bas Kecil /Bas Mini

Sumber : SK. Dirjen. Hubdat No: 274/HK.105/DRJD/96

Merujuk syarat seperti dipaparkan pada Jadual 2.1 dan Jadual 2.2, bandar Medan sebagai bandar Raya mestilah mengikut aspek berikut :

- Jaringan Pengangkutan Utama disediakan Bas Besar dan Bas Sederhana
- Jaringan Pengangkutan Cabang disediakan Bas Besar dan Bas Sederhana
- Jaringan Pengangkutan Ranting disediakan Bas Sederhana, Bas Kecil dan Bas Mini
- Jaringan Pengangkutan Langsung (*ekspres*) disediakan Bas Besar, Bas Sederhana dan Bas Kecil.

Aspek ini digunakan sebagai asas dalam memastikan laluan (*route*) dan ragam (*mode*) kenderaan jaringan pengangkutan awam yang digunakan di bandar Medan.

2.2 Pemodelan Permintaan Perjalanan

Bahagian penting dalam perancangan sistem jaringan pengangkutan awam ialah melakukan anggaran tentang permintaan pembuat perjalanan terhadap perkhidmatan pengangkutan awam beserta sistem sokongan dan kemudahannya.

Pemodelan permintaan perjalanan digunakan untuk mengetahui pola asalan dan destinasi pergerakan, pola perjalanan, penggunaan ragam dan pemilihan terhadap laluan yang akan digunakan serta faktor-faktor yang mempengaruhinya.

Produk akhir daripada model permintaan perjalanan ialah anggaran aliran kenderaan pada lorong jalan dan jaringan pengangkutan bandar manakala prosesnya meliputi perkiraan bilangan perjalanan, Asalan-Destinasinya perjalanan, mod yang digunakan dan laluan perjalanan yang dipilih daripada jaringan pengangkutan yang ada (Yu, Jason C., 1982).

Secara amnya model permintaan perjalanan boleh dibezakan kepada 2 (dua) kelompok besar, iaitu : Model Permintaan Langsung (*Direct Demand Model*) dan Model Rangkaian Permintaan (*Sequential Demand Model*).

Model yang dapat digunakan untuk melaksanakan peramalan permintaan perjalanan ialah dengan menggunakan model rangkaian permintaan yang terdiri daripada 4 (empat) tahap iaitu tahap penjanaan perjalanan (*trip generation*), tahap pengagihan perjalanan (*trip distribution*), tahap pemisahan ragam (*modal split*) dan tahap pengumpulan perjalanan (*trip assignment*) (Hutchinson, B.G., 1974).

Tahap-tahap dalam mod rangkaian permintaan dijelaskan seperti berikut.

2.2.1 Tahap Penjanaan Perjalanan (Trip Generation)

Tahap penjanaan perjalanan merupakan tahap awal dalam proses anggaran permintaan, iaitu suatu tahap untuk menentukan hubungan antara pergerakan yang terjadi dengan faktor-faktor yang mempengaruhi terjadinya pergerakan tersebut, sehingga dalam tahap ini dapat ditentukan jumlah perjalanan yang bakal dihasilkan oleh suatu daerah kajian baik untuk sekarang atau untuk masa hadapan.

Untuk mengetahui penjaan perjalanan pada keadaan nyata (tahun 2000-2003) diperoleh melalui soal selidik temuduga isi rumah, sedangkan untuk mengira bilangan penjaan perjalanan pada masa hadapan diperlukan suatu model.

Model yang umum digunakan ialah Model Regresi iaitu : suatu model yang mengaplikasikan teori statistik untuk menunjukkan suatu pembolehubah dipengaruhi oleh pembolehubah-pembolehubah lain (Drapper, Norman Richard And Smith, Harry, 1981).

2.2.2 Tahap Pengagihan Perjalanan (Trip Distribution)

Pengagihan perjalanan merupakan bahagian proses perancangan pengangkutan yang berhubungan dengan sebilangan asal perjalanan untuk setiap zon dalam wilayah dengan sebilangan perjalanan yang berlokasi pada zon lain dalam wilayah tersebut.

Tahap pengagihan perjalanan merupakan tahap untuk menganggarkan jumlah perjalanan penumpang antara zon (T_{ij}) berdasarkan pengeluaran perjalanan dari setiap zon i dan daya tarik dari zon j dengan mempertimbangkan faktor penghalang sepanjang perjalanan zon dimaksud (F_{ij}).

Pengeluaran dan penarikan perjalanan diperolehi daripada hasil analisis pada tahap permulaan perjalanan manakala faktor penghalang antara zon diperolehi daripada spesifikasi pengangkutan baik jarak, masa mahupun kos perjalanan.

Kaedah am digunakan dalam tahap pengagihan perjalanan dibezakan menjadi 2 (dua) kelompok utama (Z. Tamin, Ofyar, 1997), iaitu :

(1) Kaedah Faktor Pertumbuhan

Kaedah faktor pertumbuhan digunakan dengan andaian bahawa pola perjalanan masa ini dapat diunjurkan pada masa`akan datang dengan menggunakan nilai pertumbuhan. Salah satu kaedah yang digunakan ialah faktor purata pertumbuhan.

Kaedah faktor purata pertumbuhan, dirumuskan seperti berikut :

$$T_{ij} = T_{ij} \times \frac{E_i + E_j}{2} \dots\dots\dots 2.1$$

$$E_i = \frac{T_i}{t_i} \qquad E_j = \frac{T_j}{t_j}$$

Dimana :

- E_i, E_j = Aras pertumbuhan zon i dan j ;
- T_i, T_j = Jumlah pergerakan dari zon i ke zon j masa hadapan ;
- t_i, t_j = Jumlah pergerakan dari zon i ke zon j pada masa ini.

(2) Kaedah Sintetik

Untuk menganggar faktor penghalang yang dihadapi dalam penggunaan kaedah faktor pertumbuhan dapat dilakukan dengan menggunakan model sintetik (Black, J. A., 1981) iaitu dengan mengandaikan bahawa sebelum pola perjalanan masa hadapan dapat diramalkan, terlebih dahulu harus memahami faktor-faktor penyebab daripada pergerakan tersebut.

Kaedah sintetik terdiri daripada :

1. Mod graviti yang terdiri dari “The Unconstrained Gravity Model”, “The Production Constrained Model”, dan “The Fully Constrained Gravity Model”;
2. Kaedah Regresi Berganda;
3. Model Peluang yang terdiri dari “Intervening Oppurtunities” dan “Competing Oppurtunities”.

2.2.3 Tahap Pemisahan Ragaman (Modal Split)

Dalam melakukan perjalanan, pembuat perjalanan dapat memilih antara beberapa pilihan pengguna beberapa mod pengangkutan awam, seperti menggunakan pengangkutan awam, kenderaan persendirian, motosikal, bas, berjalan kaki atau sebagainya. Pemilihan ragam berhubung kait dengan perilaku pembuat perjalanan sesuai dengan tujuan perjalanan yang akan dilakukan serta aras perkhidmatan dan kos yang akan dikeluarkan oleh pembuat perjalanan dalam melakukan perjalanan tersebut.

2.2.4 Tahap Pengumpulan Perjalanan (Trip Assigment)

Tahap pengumpulan perjalanan (Trip Assigment) merupakan tahap akhir daripada proses analisis permintaan perjalanan. Data masukan yang utama dalam melakukan analisis pada tahap pengumpulan perjalanan ialah berupa matrik asalan dan destinasi perjalanan, kapasiti jalan yang telah diberikan kod dan ciri jaringan jalan seperti jarak dan masa (Z. Tamin, Ofyar, 1997). Matrik asalan dan destinasi perjalanan yang dibebankan ialah berbentuk matrik perjalanan.

Tujuan yang asas dari proses pengumpulan lalu lintas ialah untuk mendapatkan gambaran ciri sistem pengangkutan akibat adanya pergerakan kenderaan yang dibebankan pada sistem jaringan tersebut.

Pada mod analisis permintaan perjalanan (Sequential Mod) proses pengumpulan memiliki 2 (dua) tujuan utama (Badan Pendidikan Dan Pelatihan Departemen Perhubungan, 1991), iaitu :

1. Untuk menganggarkan jumlah lalu lintas pada lorong jalan di dalam jaringan jalan dan persimpangan;
2. Untuk memperoleh anggaran kos perjalanan antara asalan perjalanan dengan destinasi perjalanan yang digunakan pada tahap pengagihan perjalanan dan tahap pemisahan ragaman.

Secara kasar kaedah pengumpulan lalu lintas dapat dibezakan seperti berikut :

1. "Free/All Or Nothing Assigment"
2. "Stochastic atau Multi Path Assigment"
3. "(User) Equilibrium Assigment"

Salah satu kaedah pengumpulan lalu lintas tersebut, yang selalu digunakan ialah **User Equilibrium Assigment** iaitu kaedah yang menganggarkan bahawa beban perjalanan akan diumpukkan ke lorong jalan yang ada sehingga kos (generalized cost) dari satu zon ke zon lainnya dengan pelbagai alternatif akan sama.